



MANGSA BANJIR DIPINDAH

SEBAHAGIAN mangsa banjir terpaksa dipindahkan dengan menggunakan bot selepas beberapa kampung terputus hubungan akibat bencana itu di Kampung Buluh, Setiu, Terengganu, semalam. - BERNAMA

Banjir di Pantai Timur makin buruk

● Kelantan dan Pahang mula dilanda banjir semalam setelah hujan lebat melanda negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung bermula dengan Terengganu kelmarin.

● Banjir di Terengganu bertambah buruk apabila enam daripada tujuh daerah dilanda bencana itu dengan Dungun mencatatkan jumlah mangsa paling ramai yang diarah berpindah iaitu seramai 975 orang.

● Di Pahang sebanyak 594 mangsa banjir di tiga daerah di negeri ini dipindahkan manakala di Kelantan beberapa kawasan rendah mula dinaiki air dengan 395 mangsa dipindahkan ke lapan buah pusat pemindahan.

LAGI BERITA, GAMBAR DI MUKA 20 & 21



eralatan sukan, Noraini Mohd. Hassan, 21, mengemas kasut yang ditenggelami air selepas banjir di bandar Kuantan, semalam.



BERPINDAH

MAZIAH Udin bersama anaknya, Rusyai Yusof mengharungi banjir untuk ke Pusat Pemindahan Mangsa Banjir di Sekolah Kebangsaan Alur Lek, Kg. Kasar, Setiu, Terengganu, semalam.

- UTUSAN/ SHAIFUDIN MOHD. NOR



JAGA

tu anak sepupunya, Muhammad Nasrul Amir Abdullah, 14, melipat simpan di tempat selamat bagi menghadapi kemungkinan banjir Baru, Rhu Muda, Marang, Terengganu, semalam.



LAWAT MANGSA

MENTERI Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said melawat mangsa banjir di pusat pemindahan banjir Sekolah Kebangsaan Tanjong Gelam, Kg. Pak Tuyu, Kuala Terengganu, semalam.



MENGAMBIL MAKANAN

SEBAHAGIAN penduduk Kampung Langkap mengambil makanan di Pusat Pemindahan Mangsa Banjir di Sekolah Kebangsaan Alur Lek, Kg. Kasar, Setiuh Terengganu, semalam.



MEREDAH BANJIR

KANAK-KANAK meredah banjir di Bandar Pengkalen Chepa, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID



BANJIR KILAT

KEADAAN Kuantan yang ditenggelami air akibat banjir kilat yang melanda bandar itu semalam.